



# PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

(No. Syarikat: 416087-U)  
(Diperbadankan di Malaysia)

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Puncak Niaga Holdings Berhad (416087-U) akan diadakan di Concorde 1, Concorde Hotel Shah Alam, Aras 2, No. 3, Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada hari Selasa, 16 Jun 2015, pada pukul 10.00 pagi untuk tujuan berikut:-

### SEBAB URUSAN BIASA

- Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit berkenaan dengannya.
- Untuk memilih semula para Pengarah Syarikat berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:-
  - YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan
  - YBhg Dato' Lee Ming Koi
  - Enck Ng Wah Tang

Resolusi 1

Resolusi 2

Resolusi 3

Resolusi 4

- Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut selaras dengan Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965:-

#### Resolusi Biasa 1

##### Pelantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

"BAHAWA YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, adalah dan dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

Resolusi 5

- Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kelulusan kepada para Pengarah Syarikat untuk menetapkan ganjaran mereka.

Resolusi 6

### SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan, jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-

#### Resolusi Biasa 2

##### Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

"BAHAWA sentiasa tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa kerajaan/kawal selia yang berkaitan, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini diberi kuasa, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan dan mengumpukkan saham dalam Syarikat, dari semasa ke semasa, dan menurut terma dan syarat serta untuk tujuan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh para Pengarah Syarikat dengan syarat agregat bilangan saham yang akan diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat pada masa tersebut, DAN BAHAWA, para Pengarah Syarikat, adalah dan dengan ini turut diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga saham tambahan untuk diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad, DAN SETERUSNYA BAHAWA, kuasa sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

Resolusi 7

#### Resolusi Biasa 3

##### Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

"BAHAWA kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat bagi tempoh terkumpul melebihi sembilan tahun, untuk terus menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

Resolusi 8

#### Resolusi Biasa 4

##### Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

"BAHAWA kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan tahun, untuk terus menjadi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang."

Resolusi 9

- Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan.

### DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

TAN BEE LIAN (MAICSA 7006285)

LIM YEW HEANG (MAICSA 7007653)

Setiausaha-setiausaha

Shah Alam

25 Mei 2015

Nota:-

- Berhubung sekuriti yang didepositkan, hanya Ahli yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 8 Jun 2015 (Rekod Depositori Mesyuarat Agung) adalah berhak untuk hadir, bersuara dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas ini.
- Seseorang Ahli yang berhak hadir dan mengundi pada Mesyuarat berhak melantik seorang individu lain untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
- Seseorang proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 adalah tidak terpakai kepada Syarikat. Tiada sebarang sekatan terhadap kelayakan seseorang proksi.
- Seseorang Ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi pada Mesyuarat bagi pihaknya, kecuali jika,
  - seseorang Ahli adalah penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrifkan dalam Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipeganginya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit berhubung dengan Akaun Sekuriti tersebut.
  - seseorang Ahli adalah penama yang diberi kuasa berkecuali yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk berbilang pemilik bенеfisiari dalam satu akaun yang diberi kuasa, Akaun Sekuriti Omnibus, tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama yang diberi kuasa berkecuali tersebut berhubung dengan setiap Akaun Sekuriti Omnibus yang dipeganginya dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam keadaan kredit bagi Akaun Sekuriti Omnibus tersebut.Jika seseorang Ahli melantik dua (2) atau lebih proksi (mengikut keadaan), pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian perogatif sahannya yang akan diwakili oleh setiap proksi berkenaan.
- Surat cara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh penantik atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil atau jika penantik adalah sebuah perbadanan, surat cara itu hendaklah mempunyai meterai biasa atau disempurnakan oleh pegawai atau wakil yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Jika Borang Proksi ini dibuat secara bertulis oleh pegawai yang diberi kuasa, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "dilandangangi oleh pegawai yang berkuasa di bawah Dokumen Pemberkuasaan yang masih berkuatkuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Jika Borang Proksi ini dilandatangani oleh wakil di bawah surat kuasa wakil, ia haruslah diiringi dengan kenyataan yang berbunyi "dilandangangi di bawah surat kuasa wakil yang masih berkuatkuasa, yang mana tiada notis pembatalan diterima." Sesalanan Dokumen Pemberkuasaan atau surat kuasa wakil yang sah mengikut undang-undang di bawah bidang kuasa di mana ia dibuat dan dilaksanakan, hendaklah dilampirkan bersama-sama Borang Proksi ini.
- Mana-mana perbadanan yang merupakan Ahli Syarikat boleh melalui resolusi para Pengarahnya atau badan pentadbir lain memberikan kuasa kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk bertindak sebagai wakilnya pada Mesyuarat selaras dengan Artikel 82 Tataurusan Pertubuhan Syarikat.
- Surat cara pelantikan proksi perlu diserahkan ke Pejabat Pendaftaran Saham Syarikat, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur

- kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat atau sebarang penangguhannya.
- Pada mana-mana mesyuarat agung, resolusi yang diundi semasa Mesyuarat hendaklah diputuskan dengan mengangkat tangan kecuali tuntutan supaya pungutan suara diadakan (sebelum atau apabila keputusan undian mengangkat tangan disyorkan) dibuat sama ada oleh:-
  - Pengerusi (sebagai individu yang berhak untuk mengundi); atau
  - tidak kurang daripada dua orang Ahli yang hadir sendiri atau berwakilkan proksi dan berhak untuk mengundi; atau
  - seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan mewakili tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah hak mengundi kesemua Ahli yang berhak mengundi pada Mesyuarat tersebut; atau
  - seorang Ahli atau Ahli-ahli yang hadir sendiri atau diwakili proksi dan memegang saham dalam Syarikat yang memberi hak untuk mengundi pada Mesyuarat yang merupakan saham di mana satu jumlah agregat telah dibayar bersamaan dengan tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah keseluruhan yang dibayar bagi semua saham yang memberi hak berkenaan.

- Tuntutan untuk mengadakan pungutan suara boleh ditarik balik. Melainkan pungutan suara dituntut (dan tuntutan tersebut tidak ditarik balik), suatu pengisytiharan oleh Pengerusi bahawa sesuatu resolusi telah dilaksanakan secara sebulat suara, atau mengikut satu majoriti khusus, atau tewas dan satu catatan mengenainya dibuat dalam buku minit, hendaklah dianggap sebagai pengesahan muktamad perkara tersebut tanpa memerlukan bukti tentang bilangan atau pecahan undian yang dicatat menyokong atau menentang resolusi sedemikian.

- Tiada pungutan suara akan dituntut berhubung pemilihan Pengerusi atau persoalan tentang penangguhan. Suatu pungutan suara yang dituntut berhubung apa-apa persoalan lain hendaklah dilaksanakan serta-merta atau pada masa kemudiannya (tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh mesyuarat) dan di tempat yang diarahkan oleh Pengerusi. Tiada notis perlu diberikan mengenai pungutan suara yang tidak diambil dengan serta-merta.

- Melalui pungutan suara, undian boleh dibuat sendiri atau melalui proksi dan individu yang berhak kepada lebih daripada satu undi, tidak perlu menggunakan semua undian beliau atau mengundi semua hak undinya dengan cara yang sama.

- Nota Penjelasan Dan Penyata Penguatkuasaan untuk Urusan Biasa dan Urusan Khas:-  
Urusan Biasa

#### Resolusi 5: Resolusi Biasa 1 - Pelantikan Semula Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh sebagai Pengarah Bebas Syarikat. Atas persetujuan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah mengesyorkan agar YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang akan mencapai usia tujuh puluh dua (72) tahun pada tahun 2015, dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 berdasarkan sebab-sebab berikut:-

- YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas bagi tempoh terkumpul selama lima belas (15) tahun. Sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Syarikat, Pengarah Bebas Akaun Syarikat, Pengerusi Jawatankuasa Audit Syarikat, Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan, Kawalan Dalam dan Dasar Risiko ("CICR") Syarikat, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah bertindak dengan penuh keikhlasan menjaga kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas semasa proses perincangan dan apabila membuat keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan, Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran, Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat CICR.

- YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah terbukti sebagai seorang Pengarah Bebas, Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pengerusi CICR dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat dengan profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan beliau yang luas terhadap perniagaan.

#### Resolusi 6 - Agenda 4 - Pelantikan Semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat

Menurut Cadangan 5.2 Prinsip 5 (Menegakkan Integriti dalam Laporan Kewangan) Kod Tadris Urus Korporat Malaysia 2012, Jawatankuasa Audit dengan bantuan Bahagian Kewangan Syarikat, telah menilai kesesuaian dan kebebasan Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah telah mengesyorkan perlantikan semula Tetuan KPMG, yang akan bersara sebagai Juruaudit Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Syarikat dan yang telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan, untuk memegang jawatan sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dengan ganjaran yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah Syarikat.

#### Urusan Khas

#### Resolusi 7: Resolusi Biasa 2 - Perumpukan Saham Menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965

Resolusi Biasa yang dicadangkan di bawah Agenda 5 dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas bertarikh 25 Mei 2015 adalah bertujuan untuk mendapatkan pembaharuan terhadap mandat am bagi memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, dari tarikh Mesyuarat di atas, untuk menerifi dan mengumpukkan saham biasa daripada modal saham Syarikat yang belum diterbitkan untuk tujuan sebagaimana para Pengarah Syarikat pertimbangan adalah demi kepentingan Syarikat. Kuasa ini, kecuali dibatal atau diubah pada Mesyuarat Agung, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

Kuasa ini akan memberi fleksibiliti kepada Syarikat untuk mengumpukkan saham bagi sebarang kemungkinan kegiatan mengumpukkan dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan saham, pendanaan pelaburan pada masa hadapan, projek-projek, modal kerja dan/atau pengembalian.

Sehingga tarikh Notis ini, Syarikat tidak melaksanakan cadangannya untuk mengumpukkan saham baharu di bawah mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 seperti yang diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh Belas Syarikat yang diadakan pada 26 Jun 2014.

#### Resolusi 8 & 9: Resolusi Biasa 3 & 4 - Penerusan Dalam Penyandangan Jawatan Sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pencalonan Syarikat dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menilai kebebasan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat untuk tempoh terkumpul masing-masing selama lima belas (15) tahun dan enam belas (16) tahun, dan dengan persetujuan mereka dan percaya bahawa mereka boleh terus menyumbangkan pertimbangan bebas dan objektif kepada perincangan Lembaga Pengarah/Jawatankuasa, telah mengesyorkan agar kedua-dua mereka terus berperanan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat berdasarkan justifikasi berikut:-

- mereka memenuhi kriteria takrifan Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat, dan mereka tidak menyangkut jawatan eksekutif dalam Syarikat/Kumpulan, juga bukan pegawai Syarikat/Kumpulan, juga bukan penasihat atau perunding atau sebagainya, sebelum pelantikan mereka sebagai Pengarah, dan mereka juga bukan pemegang saham utama, bukan ahli keluarga dengan mana-mana Pengarah Eksekutif, pegawai atau pemegang saham utama Syarikat/Kumpulan seperti yang digariskan dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga.

- pengalaman mereka yang luas akan membolehkan mereka menyumbang pelbagai pengalaman, kepakaran dan pertimbangan bebas kepada Lembaga Pengarah bagi membolehkan mereka mengurus dan mengendalikan Kumpulan dengan lebih baik.

- walaupun mereka telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun yang mana sepanjang jangkamasa tersebut, mereka telah berkhidmat dengan penuh ikhlas dan demi kepentingan Syarikat, melaksanakan pertimbangan bebas mereka semasa proses perincangan dan membuat keputusan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat, Mesyuarat Lembaga Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, dan mereka memahami operasi perniagaan Syarikat.

- kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang boleh dipercayai dengan memiliki profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan terhadap perniagaan yang luas, telah menumpukan masa dan perhatian yang secukupnya bagi melaksana kewajipan profesional mereka terhadap proses membuat keputusan termasuk dan seimbang di samping menampilkan keprihatinan yang sewajarnya sepanjang tempoh mereka memegang jawatan demi kepentingan Syarikat dan para pemegang saham.

- kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy dapat menumpukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab fidusiar mereka sebagai Pengarah Bebas Syarikat.